

PM: Golongan muda tawar hati perjuangan 'ieformasi punca krisis

Ahli Keadilan kecewa

UM 28 MAY 2000

Oleh ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 27 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, krisis kepimpinan yang melanda Parti Keadilan Nasional (Keadilan) sekarang adalah kerana ahli-ahlinya terutama golongan muda sudah tawar hati dan tidak meyakini perjuangan reformasi yang dibawa oleh parti itu.

Perdana Menteri berkata, golongan muda yang menjadi sebahagian besar ahli Keadilan merasa kecewa kerana apa yang diperjuangkan oleh parti itu bukan suatu reformasi tetapi membela nasib seorang individu.

Beliau berkata, krisis kepimpinan itu juga berpunca daripada banyak arahan yang berlainan daripada pemimpin-pemimpin parti itu.

Desakan

"Kita boleh lihat ini daripada demonstrasi untuk merayakan ulang tahun Anwar Ibrahim di penjara di mana Dr. Chandra Muzaffar dan Dr. Wan Azizah Wan Ismail tidak menyokong demonstrasi.

"Tetapi pada masa yang sama, Anwar memberi arahan supaya mengadakan demonstrasi yang besar yang tentunya akan bertukar menjadi ganas," kata Dr. Mahathir kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC Ke-54 di sini, hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas perkembangan terkini yang melanda Keadilan sekarang terutamanya tentang desakan supaya Timbalan Presidennya, Dr. Chandra Muzaffar dan Setiausaha Agung, Mohd. Anuar Tahir meletakkan jawatan.

Desakan itu mendapat sokongan daripada lima laman web proreformasi yang memulakan kempen menuntut kedua-

■ Lihat muka 4

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Ahli Keadilan kecewa

UM 28 MAY 2000

dua pemimpin itu - melepaskan jawatan mereka dengan menutup akses ke laman itu.

Empat daripada laman web itu iaitu *Laman Reformasi*, *Komentor*, *Pemantau* dan *Black 14* memulakan kempen 'bertafakur' sejak Rabu lalu manakala laman Mahafiraun memulakan kempenya semalam.

Semalam, 15 pemimpin dan ahli Pergerakan Pemuda parti itu di Alor Setar dengan diketuai oleh Naib Ketua Pemuda Kedah, Zuraidi Rahim mengumumkan keluar dari parti itu.

Dr. Chandra pula menyifatkan perkembangan dalam Keadilan sebagai satu 'tikaman dari belakang' dan percaya kemungkinan ada pihak tertentu memajukan peranan di belakang tabir.

Manipulasi

Mengulas perkara itu, Perdana Menteri berkata, Barisan Nasional (BN) tidak pernah sekali-kali cuba memanipulasi isu krisis kepimpinan parti itu.

Katanya, BN juga tidak per-

nah mencerooboh laman-laman web proreformasi sebagai satu usaha untuk memenangi pilihan raya kecil Parlimen Telok Kemang pada 10 Jun ini.

"Sebenarnya, kita tidak ada cara untuk menyerang mereka. Mereka memang bagus dalam Internet dan surat layang, malah mereka lebih baik daripada siapa sahaja di dunia ini.

"Mereka memang bertaraf dunia dalam mereka-reka cerita seperti Perdana Menteri mati, jatuh kuda dan keracunan," kata Dr. Mahathir.